

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)22**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA  
YB TAN HOOI PENG**

22. Berikutan kes penderaan dan eksploitasi kanak-kanak di rumah amal milik GISB Holdings Sdn Bhd, apakah langkah-langkah perlindungan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di rumah-rumah perlindungan, sama ada milik kerajaan atau swasta?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memastikan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak yang ditempatkan di rumah-rumah perlindungan atas perintah mahkamah untuk jagaan sementara. Kanak-kanak ini akan berada di bawah pemantauan dan jagaan JKM sehingga siasatan selesai sebelum diserahkan semula kepada keluarga atau penjaga yang layak.

Sepanjang tempoh perlindungan, JKM dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi lain melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bersesuaian mengikut peringkat umur kanak-kanak. Antara program yang dijalankan termasuk sesi persekolahan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, serta aktiviti-aktiviti yang

menyokong perkembangan emosi, fizikal dan mental kanak-kanak.

Sebagai contoh, JKM Pulau Pinang telah menerima 200 orang kanak-kanak yang diselamatkan melalui Ops Global. Kesemua kanak-kanak ini telah ditempatkan di lokasi perlindungan yang selamat dan menjalani pelbagai aktiviti serta program bagi memastikan pemulihan dan kebajikan mereka terjamin sepanjang tempoh jagaan. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri melalui JKM dalam memastikan keselamatan, kebajikan dan hak kanak-kanak sentiasa terpelihara di rumah-rumah perlindungan, sama ada milik kerajaan mahupun swasta.

Selaras dengan visi Penang2030, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa tadbir urus pengoperasian Pusat Jagaan Kanak-kanak hendaklah sentiasa memberi keutamaan kepada perlindungan dan kebajikan mereka yang mendapatkan perkhidmatan jagaan yang selamat.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga akan membuat pemeriksaan berkala terhadap premis pusat jagaan yang menempatkan kanak-kanak dan juga pemeriksaan ke atas pihak pengurusan. PBT juga

mengenal pasti sama ada perniagaan atau aktiviti yang dijalankan oleh pengusaha pusat jagaan kanak-kanak mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Tindakan undang-undang akan diambil jika pengusaha pusat jagaan ingkar dan tidak patuh kepada panduan pengoperasian yang dikuatkuasakan oleh negeri.